

Agenda:

- 1) Perbincangan peranan dan tanggungjawab transfusion link nurse
- 2) Garis panduan proses transfusi
- 3) Pemantauan borang-borang dan dokumentasi berkaitan dengan perkhidmatan transfusi
 - a) Proses transfusi darah/komponen darah
 - i. Borang persetujuan pemindahan darah
 - ii. Borang permohonan transfusi darah (PER-SS-BT-105)
 - iii. Slip pengambilan darah (HUS/BT/2015/01)
 - iv. Checklist pemindahan darah
 - b) Reaksi transfusi darah/komponen darah
 - i. Borang permohonan untuk penyiasatan reaksi transfusi (TRO1/2014)
 - ii. Transfusion-Related Adverse Event Reporting Form (PDN/HV/V2/2014)
- 4) Buku laporan Transfusion Link Nurse
 - a) Transfusi darah yang dilakukan pada waktu malam
 - b) Transfusion reactions
 - c) Near misses/ Transfusion Error
- 5) Plan of activity in 2017
 - a) Audit di wad masing-masing dengan unit kualiti
 - b) Mesyuarat setiap 6 bulan
- 6) Isu-isu berbangkit

TANGGUNGJAWAB TRANSFUSION LINK NURSES

Sasaran:

1. Pengurangan dan seterusnya *zero sampling and labeling error*
2. *Zero transfusion error*

Tanggungjawab umum:

1. Mempromosikan *safe transfusion practice*
2. Memantau proses tranfusi darah
3. Menyampaikan maklumat dan membantu penyebaran informasi yang berkaitan dengan perubahan dalam Dasar Transfusi di bawah pengawasan pakar transfusi
4. Menggalakkan *safe clinical practice* dalam penggunaan darah dan komponen darah selaras dengan garis panduan National Patient Safety Agency

Tanggungjawab khusus:

1. Memantau pengambilan sampel darah untuk ujian pre-transfusi oleh pegawai perubatan di tempat bertugas masing-masing bagi memastikan
 - a. Sampel darah diambil hanya untuk seorang pesakit pada satu masa
 - b. Identifikasi pesakit dilakukan sebelum darah diambil (nama penuh, IC atau tarikh lahir) dan disemak dengan *wristband*
 - c. Sampel darah dilabel di sisi pesakit
 - d. Borang permohonan darah diisi dengan lengkap di sisi pesakit.
 - e. Semak identiti pada sampel darah, borang permohonan darah dan nota pesakit adalah sama
 - f. Tiada gotong-royong dalam pengambilan darah pesakit
2. Memastikan sampel darah dihantar ke tabung darah tanpa bertanggung dan JANGAN biarkan sampel darah yang tidak berlabel di merata-rata tempat dan JANGAN simpan sampel darah yang tidak berlabel untuk digunakan kemudian (contoh: disimpan di peti sejuk)

3. Memantau proses transfusi darah
 - a) Pastikan dokumen pesakit dan keperluan yang betul dibawa untuk pengambilan darah di tabung darah
 - b) Pastikan pesakit sudah bersedia untuk transfusi darah- *consent* telah diambil, *patent IV access* (mulakan NS) supaya transfusi darah dapat dimulakan sebaik sahaja darah sampai ke wad
 - c) Pemeriksaan pre-transfusi dilakukan di sisi pesakit oleh 2 orang kakitangan(pegawai perubatan dan jururawat)
 - i. Periksa darah dan borang permintaan
 - ii. Periksa identiti pesakit
4. Pemantauan pesakit yang menerima transfusi darah
 - a. Sebelum, semasa dan selepas
 - b. Pemantauan dokumen
5. Pastikan dokumentasi transfusi darah adalah lengkap
6. Memastikan tiada transfusi darah dilakukan di wad pada waktu malam kecuali kes-kes kecemasan. Membuat laporan mengenai semua transfusi darah yang dilakukan pada waktu malam.
7. Perbincangan secara *regular* dengan *Liaison Officers* dari tabung darah untuk melaporkan pemantauan dan membincangkan isu-isu berbangkit.
8. Mengambil bahagian dalam audit dan pengumpulan maklumat berkaitan dengan isu-isu transfusi dan maklum balas yang diterima di tempat kerja.